



# **Panduan menjalankan pemeriksaan di tempat kerja.**

Panduan ini akan memberi tumpuan kepada lapan perkara di mana statistik pembayaran ganti rugi menunjukkan punca kadar kecederaan atau kematian yang tertinggi di tempat kerja di Australia Barat setiap tahun.

- Bahan kimia dan bahan berbahaya
- Elektrik
- Trak angsun
- Pengendalian manual- mengangkat beban
- Tergelincir dan tersandung
- Bekerja dengan selamat di aras yang tinggi
- Pekerja baru dan muda
- Pemagaran mesin

Anda akan mendapati senarai semakan yang berikut agak berguna kerana kebanyakan daripada isu-isu ini berkaitan dengan tempat kerja anda. Ia boleh diubahsuai untuk menampung keperluan spesifik di tempat kerja anda.

Meskipun senarai semakan ini tidak merangkumi semua keperluan di bawah undang-undang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, namun ia dapat memberi gambaran yang jelas samada tempat kerja anda mematuhi piawai asas keselamatan. Ini juga akan membantu anda mengasaskan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.



## **Bahan Kimia dan Bahan Berbahaya**

Kehilangan masa bekerja, penyakit dan kadangkala kematian adalah akibat kegagalan menangani, menyimpan, mengguna atau menghapuskan bahan berbahaya dengan cara yang betul.

Ubat pembunuh serangga, asid, bahan pelarut, bahan pencuci, cat, asbestos, serbuk kayu dan asap pematerian merupakan beberapa bahan kimia dan bahan berbahaya yang boleh membawa risiko kepada pekerja.

Para majikan mesti mengenalpasti semua bahan kimia dan bahan berbahaya yang digunakan di tempat kerja dengan menggunakan Daftar Bahan Berbahaya.

Risalah Data Keselamatan Kimia (RDKK) harus disediakan di tempat kerja untuk setiap bahan kimia dan bahan berbahaya dengan menyenaraikan kandungan serta memberi maklumat kesihatan dan arahan untuk penyimpanan, penggunaan dan pengendalian secara selamat. Risalah Data Keselamatan Kimia boleh diperolehi daripada para pengilang dan pembekal bahan kimia dan bahan berbahaya.

**Panduan lanjutan mengenai Risalah Data Keselamatan Kimia (RDKK) boleh diperolehi di laman web *WorkSafe*.**

**Contoh-contoh Daftar Bahan Berbahaya dan Borang Penilaian Risiko bagi sesuatu bahan berbahaya boleh diperolehi di laman web *WorkSafe*.**



<b>Bahan Kimia dan Bahan Berbahaya</b> senarai semak keselamatan			
<b>semak</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Berkaitan</b>
Penggunaan secara betul bahan kimia dan bahan berbahaya adalah sebahagian daripada program induksi			
Semua orang yang mungkin terdedah kepada bahan kimia dan bahan berbahaya telah diberi maklumat arahan dan latihan yang berkaitan			
Rekod latihan termasuk: kesan kepada kesihatan, kawalan, cara kerja yang selamat dan kelengkapan/pakaian perlindungan			
Senarai/Daftar bagi semua bahan kimia yang digunakan mudah dicari dan dibaca.			
Risalah Data Keselamatan Kimia untuk setiap bahan berbahaya wujud di tempat kerja.			
Risalah Data Keselamatan Kimia tersedia ada untuk rujukan para pekerja dan dimasukkan dalam Daftar Bahan Berbahaya			
Bekas-bekas Asal mengandungi label pengilang			
Bekas-bekas tuangan dilabelkan dengan nama, risiko dan arahan keselamatan			
Penilaian risiko telah dibuat untuk semua bahan kimia dan bahan berbahaya yang disimpan dan diguna di tempat kerja			
Penilaian risiko telah direkodkan di dalam senarai /daftar			
Laporan penilaian risiko tersedia ada untuk memantau risiko yang signifikan			
Tindakan telah diambil untuk mengawal risiko. Contoh, penyiasatan telah dibuat untuk mencari sama ada bahan kimia alternatif tersedia ada			
Kawalan hiraki dipertimbangkan apabila mengurangkan risiko			
Terdapat kemudahan kecemasan dan bantu mula yang sesuai dan para pekerja ketahui tentang kemudahan ini.			
Dimana wujudnya risiko, umpamanya daripada plumbum, isosianat dan organofosforus yang terkandung dalam ubat pembunuh serangga, seorang doctor telahpun dilantik untuk memantau taraf kesihatan pekerja			

## Elektrik

Bahaya elektrik wujud di hampir semua tempat kerja. Tidak semestinya voltan yang tinggi yang menyebabkan kejutan elektrik – kesilapan yang kecil juga boleh membawa maut.

Manusia boleh mengalami kejutan elektrik apabila tersentuh wayar bergantung, menjalani kerja-kerja penyelenggaraan ke atas litar elektrik hidup, bekerja dengan peralatan elektrik yang rosak, wayar sambungan, plag dan soket. Peralatan harian seperti pembakar roti dan ketuhar gelombang mikro juga mengakibatkan jumlah pembakaran yang signifikan.

Satu kajian Worksafe telah mendapati bahawa kebanyakan kejutan elektrik dapat dihalang dengan penggunaan Peralatan Sisa Arus, kecuali kematian yang disebabkan oleh kabel elektrik atasan.

Peraturan keselamatan memerlukan para majikan memasang peralatan sisa arus untuk mengurangkan risiko kejutan elektrik. Semua penabalan elektrik mesti mematuhi Sistem Piawaian Australia.

**Panduan lanjutan mengenai Elektrik boleh diperolehi di laman web *WorkSafe*.**



<b>Elektrik</b>			
<b>senarai semak keselamatan</b>			
<b>semak</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Berkaitan</b>
Keselamatan elektrik adalah sebahagian daripada program induksi			
Anggota yang bekerja dengan elektrik telah pun diberi maklumat, arahan dan latihan yang berkaitan.			
Terdapat satu program penyelenggaraan untuk setiap penabalan elektrik.			
Peralatan elektrik telah pun diuji.			
Peralatan sisa arus ditabalkan di setiap papan suis atau soket tetap.			
Perkakasan elektrik mudah alih dilindungi oleh peralatan sisa arus			
Peralatan arus sisa mempunyai label dan telah pun diuji.			
Penyambung dawai-dawai fleksibel diperbuat daripada plag berjenis acuan atau lut sinar.			
Plag, soket dan dawai penyambung berada dalam keadaan yang baik.			
Dawai fleksibel dilindungi dari air, kerosakan dan potongan			
Papan suis dilabel dengan betul dan dilindungi daripada kerosakan			
Pemasangan lampu adalah bersesuaian dengan lokasi dan dilindungi daripada kerosakan.			
Punca kuasa adalah bersesuaian dengan lokasi dan dipasang dengan selamat.			
Prosedur keselamatan disediakan untuk pekerja yang bekerja dekat talian kuasa atasan			
Pengenalpastian jentera yang mendedahkan para pekerja kepada kejutan elektrik telah disediakan.			
Kuasa di tapak pembinaan disambungkan apabila kerja pembinaan mencapai ketinggian tapak.			
Dawai yang digunakan mempunyai ukuran yang bersesuaian.			
Tidak ada penggunaan dwi-adaptor atau plag tiga-pin.			
Penabalan elektrik dilindungi daripada kerosakan yang boleh meningkatkan risiko kejutan elektrik atau kebakaran.			
Tiang kabel mudah alih digunakan bila perlu.			
<i>Di tapak pembinaan dan peruntuhan, periksa bahawa:</i>			
Peralatan elektrik mudah alih telah ditandakan			
Terdapat rekod pengujian masa lepas			
Segala litar, soket, janakuasa mudah alih dan peralatan dilindungi dengan peralatan sisa arus.			
Keselamatan elektrik adalah sebahagian daripada program induksi			

## **Pengendalian manual – mengangkat beban**

Mengangkat beban merupakan salah satu punca utama kecederaan yang berkait dengan pengendalian manual di Australia Barat. Secara purata, pekerja yang mengalami kecederaan yang berkaitan dengan pengendalian manual mengambil masa yang paling lama untuk pulih dan kembali bekerja.

Berat sesuatu objek merupakan hanya satu daripada beberapa faktor yang dipertimbangkan untuk mengelakkan kecederaan. Aspek-aspek lain yang harus diambilkira termasuk: kekerapan dan kepantasan sesuatu aktiviti itu dilakukan; umur dan kekuatan fizikal pekerja; dan saiz serta bentuk objek.

Kecederaan di tempat kerja yang biasa dikaitkan dengan pengendalian manual termasuk tegangan dan seliuh, sakit burut dan kecederaan di bahagian belakang. Kecederaan boleh disebabkan oleh pelusuhan dan penghausan bahagian-bahagian tubuh badan secara beransur-ansur akibat daripada kekerapan mengangkat beban untuk suatu jangkamasa yang panjang. Mengangkat sesuatu objek yang berat atau yang janggal boleh juga menyebabkan kecederaan walaupun di lakukan buat kali pertama.

**Panduan lanjutan mengenai pengendalian manual boleh diperolehi di laman web *WorkSafe*.**



<b>Pengendalian manual - mengangkat beban</b> senarai semak keselamatan			
<b>semak</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Berkaitan</b>
Latihan dalam pengendalian manual merupakan sebahagian daripada program induksi			
Maklumat, arahan dan latihan dalam aspek mengangkat beban dengan selamat telah disampaikan kepada mereka yang terlibat dalam merancang dan melaksanakan proses pengendalian manual; menyiasat kemalangan; atau melakukan kegiatan dimana bahaya berkaitan dengan pengendalian manual telah pun dikenalpasti.			
Pekerja memahami faktor-faktor risiko berhubung dengan pengendalian manual dan sedar akan prosidur-prosidur mengurus risiko berkaitan			
Berat objek atau anggota yang diangkat ditaksirkan sebelum kegiatan mengangkat beban dilakukan untuk menentukan daya keupayaan pengangkat.			
Cara-cara alternatif untuk mengangkat dan mengalih beban telah dipertimbangkan, Contoh : menggunakan takal mekanikal atau troli			
Para pekerja telah di galakkan untuk memberi cadangan melakukan kerja dengan lebih selamat			
Segala bahaya telah pun dikenalpasti dan dinilai risiko			
Langkah-langkah kawalan risiko yang praktikal telah pun dilaksanakan dan di mantau demi untuk membasmi atau mengurangkan risiko-risiko setakat mana munasabah.			
Langkah-langkah kawalan risiko dikaji semula selepas berlakunya sebarang kemalangan			
Siasatan segala insiden berkaitan dengan pengendalian manual dibuat dengan memuaskan dan teliti.			

## Gelincir dan Sandung

Satu daripada masalah yang agak signifikan yang terdapat di kebanyakan tempat kerja, baik pejabat maupun kawasan pengeluaran, adalah berkaitan dengan isu kegelinciran, kesandungan dan kejatuhan. Pekerja yang bekerja berhampiran dengan kawasan lantai yang basah atau permukaan konkrit menghadapi risiko yang amat tinggi dalam mengalami kecederaan yang disebabkan oleh tergelincir atau tersandung.

Faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada risiko-risiko berkaitan dengan gelincir dan sandung adalah seperti berikut:

- Permukaan lantai yang tidak stabil, longgar atau tidak rata
- Halangan-halangan di tempat laluan orang ramai
- Lantai yang licin disebabkan pertumpahan bahan seperti cecair, lumpur atau minyak
- Jenis lantai atau tekstur permukaan seperti papan, konkrit atau vinil
- Pencahayaan yang tidak mencukupi dan/atau
- Jenis kasut yang tidak bersesuaian

**Panduan lanjutan mengenai gelincir dan sandung boleh diperolehi di laman web *WorkSafe***



<b>gelincir dan sandung</b> senarai semak keselamatan			
<b>semak</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Berkaitan</b>
Latihan dalam aspek gelincir dan sandung adalah sebahagian daripada program induksi.			
Maklumat, arahan dan latihan mengenai gelincir, sandung dan jatuh telah disampaikan kepada para pekerja			
Permukaan lantai adalah kalis kegelinciran			
Laluan/lorong adalah bebas daripada bahaya seperti kabel elektrik dan penyalur air			
Polisi membersihkan tempat sebaik sahaja berlaku sebarang tumpahan sedia ada.			
Terdapat peruntukan-peruntukan khas untuk lantai yang kalis gelinciran seperti tempat mandi, sinki, hotel /kedai minuman.			
Permukaan lantai senantiasa diselenggara dan berada dalam keadaan yang baik.			
Petanda amaran disediakan di tempat berlakunya tumpahan.			
Laluan masuk dan keluar tempat kerja adalah bebas dari halangan.			
Tanjakan dan tangga disediakan dengan peralatan pencegahan bahaya yang bersesuaian			
Pencahayaan adalah mencukupi			
Kelengkapan/ pakaian perlindungan yang bersesuaian seperti kasut kalis gelincir dibekalkan			
Di kawasan-kawasan dimana terdapatnya perubahan dalam paras ketinggian permukaan lantai atau dimana penggunaan troli diperlukan atau dimana pengalihan barangan berlaku, tanjakan disediakan			
Segala bahaya yang agak signifikan telah pun dikenalpasti dan dinilai.			
Faktor-faktor yang memberi kesan kepada risiko telah dinilai semasa penilaian risiko dibuat.			
Segala langkah-langkah kawalan risiko yang munasabah telah pun dilaksanakan dan disenggarakan untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko.			
Kemalangan yang melibatkan gelincir, sandung dan jatuh di siasat dengan teliti dan semua langkah kawalan risiko di semak kembali selepas berlakunya sesuatu insiden.			

## Bekerja di paras yang tinggi

Setiap tahun, secara puratanya, dua pekerja mati disebabkan jatuh semasa bekerja di paras yang tinggi di Australia Barat. Kebanyakan daripada kes kejatuhan ini berlaku pada paras ketinggian yang agak rendah iaitu kurang dari 5 meter. Kematian yang melibatkan objek-objek yang terjatuh pula meragut nyawa 5 orang lagi.

Kemalangan yang melibatkan pekerja yang terjatuh dari paras yang tinggi termasuk pekerja yang jatuh dari tangga, tetangga dan perancah. Kecederaan yang biasa dialami termasuk tegang dan seliuh, patah dan luka lebam.

**Panduan lanjutan mengenai bekerja dengan selamat di paras yang tinggi boleh diperolehi di laman web *WorkSafe***



<b>Bekerja di paras yang tinggi</b> senarai semak keselamatan			
<b>semak</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Berkaitan</b>
Latihan dalam aspek bekerja di paras yang tinggi adalah sebahagian daripada program induksi.			
Pekerja yang bekerja di paras yang tinggi telah diberi maklumat, arahan dan latihan yang berkaitan.			
Pekerja diselia untuk memastikan amalan bekerja dengan selamat dipatuhi.			
Tempat kerja adalah bebas daripada objek-objek yang menjunam, air, kenderaan dan manusia.			
Susunan tangga adalah kukuh dan tangga pijak adalah dalam keadaan baik.			
Semua kawasan kerja adalah bebas dari sebarang halangan.			
Laluan orang ramai, koridor dan tangga adalah bebas daripada sebarang halangan.			
Tangga berada dalam keadaan yang baik dan kukuh dipasangkan.			
Tangga yang tinggi mempunyai alat pencegah bahaya yang boleh melindungi pekerja jika terjatuh dari belakang.			
Lif mekanikal yang digunakan adalah selamat.			
Tingkat mezanin mempunyai akses yang selamat dan perlindungan dari jatuh seperti susunan tangga.			
Peralatan yang dapat mencegah kejatuhan seperti tali abah-abah disediakan.			
Pertimbangan telah diberi kepada cara-cara atau alternatif bekerja dengan lebih selamat.			
Bahaya sedia ada yang berpotensi untuk mencederakan telah pun dikenalpasti			
Penilaian risiko terhadap sesiapa yang mungkin terjatuh semasa bekerja di paras yang tinggi telah dibuat.			
Langkah-langkah praktikal telah diambil untuk menghalang pekerja daripada terjatuh semasa bekerja di paras yang tinggi			

## Trak Angsun

Secara purata, terdapat kira-kira 200 kecederaan dan satu kematian yang melibatkan trak angsun setiap tahun di Australia Barat. Lesen untuk pekerjaan yang mempunyai risiko yang tinggi diperlukan sekarang untuk mengendalikan trak angsun.

Suatu program pemeriksaan dan penyelenggaraan trak angsun diperlukan untuk memastikan trak-trak angsun mematuhi ketetapan-ketetapan para pengilang.

**Panduan lanjutan mengenai bekerja dengan trak angsun boleh diperolehi di laman web *WorkSafe***

**Senarai semakan ini harus digunakan serentak dengan Nota Panduan Suruhanjaya**



<b>Trak angsun</b>			
<b>senarai semak keselamatan</b>			
<b>semak</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Berkaitan</b>
Rekod penyelenggaraan adalah lengkap			
Rekod berkenaan pengubahsuaian, pemeriksaan dan penyelenggaraan khususnya brek, stering, hidrolik dan tayar disimpan			
Operator adalah berusia 18 tahun dan ke atas			
Operator telah pun menjalani latihan di bawah pempiawaan kebangsaan untuk kerja-kerja yang melibatkan risiko yang tinggi			
Trak angsun berada dalam keadaan kerja yang baik, dengan segala pemasangan sepertimana yang dikehendaki di bawah undang-undang			
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeriksaan sebelum pengoperasian dikendalikan :</li> <li>• Perlindungan yang berupa rangka yang dapat menyelamatkan operator semasa bergolek dipasang</li> <li>• Perlindungan yang berupa alat pencegah bahaya yang boleh menghalang operator dari objek-objek yang terjatuh dipasang</li> <li>• Tempat duduk</li> <li>• Tali pinggang keledar</li> <li>• Lampu (jika digunakan sebelah malam)</li> <li>• Stering</li> <li>• Kawalan pergerakan</li> <li>• Hon</li> <li>• Silinder gas</li> <li>• Tanda/symbol amaran</li> <li>• Brek</li> <li>• Tiang</li> <li>• Rantai</li> <li>• Tayar</li> <li>• Paip</li> <li>• Kontra berat</li> </ul>			
Carta Daya Keupayaan mudah dibaca, berkaitan dengan trak angsun, dipinda untuk sebarang pemasangan yang ditambah dan mengandungi butiran spesifikasi pengilang			
Manual operator mudah dibaca, mudah diperolehi dan berkenaan dengan trak angsun serta mengandungi butiran spesifikasi pengilang.			
Kerja dirancang untuk keselamatan operator dan orang ramai			
Semakan dibuat terhadap: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tapak/permukaan tempat laluan</li> <li>• Tanjakan</li> <li>• Dok pemungghahan</li> <li>• Petanda</li> <li>• Kawasan berbahaya</li> <li>• Kawalan trafik</li> <li>• Kawalan pejalan kaki</li> </ul>			
Kunci tidak berada di dalam trak angsun yang senggang untuk menghindar daripada penggunaan anggota lain, kecuali apabila diberi arahan lain.			

## MENGAWAL

Analisa semasa ke atas notis-notis yang dikeluarkan oleh para inspektor menunjukkan bahawa kegagalan dalam aspek mengawal jentera dengan alat pencegah bahaya merupakan satu amalan yang berleluasa di kebanyakan tempat kerja di merata industri.

Jumlah kematian dan kecederaan parah yang tinggi yang melibatkan kegagalan mengawal jentera dengan alat pencegah bahaya agak membimbangkan pihak *WorkSafe*.

Turut membimbangkan pihak *WorkSafe* ialah rekod-rekod mengenai kemalangan yang wajib dilaporkan yang menunjukkan penglibatan para pekerja golongan muda yang mengalami kecederaan disebabkan kegagalan mengawal jentera. Ramai pekerja golongan muda didapati cedera dalam tempoh beberapa jam sebaik sahaja mereka lapor bekerja. Kecederaan yang melibatkan kehilangan tangan dan jari sudah tentu akan menjejaskan kehidupan mereka sepanjang hayat.

Keperluan untuk mengawal jentera bukan merupakan satu perkara yang baru. Pengawalan jentera merupakan satu kaedah yang mudah dan agak berkesan untuk menghalang kecederaan daripada berlaku. Sektor industri sudah berdekad mengetahui cara-cara mengawal jentera. Walaupun teknologi baru menyediakan lebih banyak opsyen dalam aspek pengawalan mesin, kaedah serta piawaian lama masih berkesan, praktik dan jika dilaksanakan dengan betul, masih di terima.

Mengikut peruntukan undang-undang, setiap komponen berbahaya yang dipasang pada sesuatu loji, baik yang tetap, bergerak maupun di pegang dengan tangan, mesti dipagari atau dikawal setakat mana yang munasabah. Penggunaan istilah 'setakat mana yang munasabah' tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak mengamalkan sistem pengawalan atau pemagaran berdasarkan kos. Istilah ini digunakan untuk mengambil kira situasi di mana pengawalan dan pemagaran adalah tidak praktikal, misalnya dalam penggunaan gergaji bermata pisau yang bulat yang memerlukan sebahagian daripada ukurlilitan mata pisaunya didedah untuk ia berfungsi.

**Panduan lanjutan berkenaan dengan menghadang dapat diperolehi di laman web *WorkSafe***



<b>Pengawalan</b> senarai semak keselamatan			
<b>semak</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Berkaitan</b>
Adakah operator dan anggota penyelenggaraan dilatih dengan sepenuhnya, mengetahui pemasangan dan operasi mesin serta dapat mendemonstrasi ciri-ciri keselamatan?			
Dimana wujudnya pengawal tetap, adakah struktur /rangka binaannya teguh serta dipasang secara tetap semasa mesin itu berjalan?			
Dimana pengawal saling memasung disediakan, adakah ia dapat menghalang perjalanan mesin semasa dibuka dan adakah pengawal tersebut tidak boleh dibuka semasa mesin itu berjalan?			
Dimana terdapat kehadiran sistem penggera, adakah ia berfungsi sepertimana yang dikehendaki dan dapat memberhentikan mesin apabila sinaran cahayanya di ganggu?			
Adakah pengawal dapat melindungi daripada sebarang jenis bahaya ditepi maupun dibelakang mesin?			
Adakah semakan sebelum bermula operasi dikendalikan untuk memastikan ciri-ciri keselamatan berfungsi?			
Adakah prosidur-prosidur pengasingan yang berpatutan disediakan untuk anggota penyelenggaraan?			
Adakah manual pengilang mudah diperolehi dan difahami oleh operator?			
Adakah kawalan-kawalan mesin dilindungi untuk menghalang operator daripada menghidupkannya secara tak sengaja ditanda dengan jelas serta berhampiran dengan operator?			
Dapatkah petanda amaran dan decals mudah dilihat?			
Dimana adalah tidak praktikal untuk menyediakan pengawal dan pekerja dikehendaki bekerja atau melalui bahagian-bahagian mesin yang bergerak yang merbahaya, adakah satu sistem bekerja dengan selamat dilaksanakan untuk mengurangkan risiko?			
Adakah ia agak praktikal untuk meningkatkan tahap mengawal jentera berbanding dengan apa yang sedia ada?			

## **GOLONGAN PEKERJA YANG MUDA DAN BARU**

Pekerja yang baru menceburi alam pekerjaan sentiasa dihadapi dengan risiko kecederaan. Pekerja muda dalam lingkungan usia antara 15 hingga 19 tahun merupakan golongan yang mempunyai kemungkinan yang paling tinggi untuk mengalami kecederaan.

Semasa menilai risiko kecederaan terhadap golongan pekerja muda, factor-faktor khas yang harus diambil kira adalah seperti berikut:

- Saiz dan tahap kematangan fizikal mereka
- Perlakuan umum serta kematangan psikologikal mereka
- Pengalaman kerja serta latihan yang telah mereka lalui
- Kebolehan mereka untuk menilai keselamatan mereka serta pekerja-pekerja lain secara matang
- Kebolehan mereka untuk mengharungi situasi-situasi yang tidak tentu dan bertekanan

Gunakan Senarai Semakan Induksi Keselamatan untuk memastikan bahawa golongan pekerja muda dan baru anda itu arif dengan prosidur-prosidur keselamatan. Keselamatan para pelawat harus juga diambil kira.

**Maklumat lanjutan berkenaan pekerja berisiko dapat di perolehi di laman web *WorkSafe*.**



## Induksi Keselamatan pekerja baru dan muda senarai semakan

Nama:
Jawatan:
Tarikh mula kerja:
Lokasi:
Nama anggota yang menyediakan induksi:

	semak	Ya	Tidak	Jika tidak, kenapa?
1.	Jelaskan aktiviti kerja			
2.	Lawatan tempat kerja			
3.	Jelaskan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</li> <li>• Kewajipan bertanggungjawab majikan dan pekerja</li> <li>• Perundangan: Jawatankuasa KKP dan Wakil Keselamatan &amp; Kesihatan</li> <li>• Prosidur and arahan bekerja dengan selamat</li> <li>• Prosidur menyelesaikan masalah</li> <li>• Prosidur melaporkan bahaya</li> <li>• Prosidur melaporkan insiden/kecederaan</li> <li>• Panduancara dan polisi pengurusan kecederaan</li> <li>• Prosidur kecemasan</li> <li>• Prosidur pengendalian manual</li> <li>• Prosidur bahan berbahaya</li> <li>• Prosidur keselamatan jentera</li> <li>• Prosidur bekerja di paras yang tinggi</li> <li>• Prosidur menghalang tergelincir dan tersandung</li> <li>• Keselamatan elektrik</li> <li>• Permit untuk bekerja</li> <li>• Penggunaan, penyimpanan dan penyelenggaraan kelengkapan/pakaian perlindungan</li> <li>• Keselamatan kenderaan</li> <li>• Prosidur keselamatan apabila bekerja di tepi jalan raya</li> <li>• Prosidur kebersihan di tempat kerja</li> <li>• Petanda keselamatan</li> <li>• Prosidur bekerja di luar termasuk perlindungan kulit</li> <li>• Tempat kerja yang bebas dari asap</li> <li>• Alkohol dan dadah di tempat kerja</li> <li>• Proses pembayaran ganti rugi dan pemulihan</li> </ul>			
4.	Sediakan tempat penyimpanan barang, kelengkapan/pakaian perlindungan dan sebarang perkakas yang dikehendaki.			
5.	Jadual untuk latihan tambahan			
6.	Penyeliaan bagi memastikan pekerja mematuhi segala arahan dan peraturan keselamatan.			

Nama pengurus/penyelia:		tandatangan		tarikh	
Nama pekerja :		tandatangan		tarikh	

## Senarai Semakan Sistem Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Adakah anda				Maklumat Tambahan
Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Majalah SafetyLine Small Business April 07</li> <li><b>Maklumat terperinci</b>- WorkSafe Plan</li> </ul>
Wakil keselamatan & kesihatan dan/atau Jawatankuasa KKP	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Buletin: Pemilihan Wakil Keselamatan &amp; Kesihatan 05/2005</li> <li>Latihan Wakil Keselamatan &amp; Kesihatan 12/2005</li> <li>Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan &amp; Kesihatan 7/2005</li> <li>Wakil Keselamatan dan Kesihatan – Soalan yang biasa ditanya</li> <li><b>Malumat terperinci</b> -               <ul style="list-style-type: none"> <li>Nota Panduan: Proses perundingan secara formal di tempat kerja</li> <li>Bahan Bacaan: SafetyLine Institute</li> <li>Jawatankuasa KKP ; Wakil Keselamatan dan Kesihatan</li> </ul> </li> </ul>
Senarai semakan mengenalpasti bahaya dan perkaedahan untuk menilai risiko	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Langkah Pertama</li> <li>Seksyen kawasan prioriti di lamanlayar</li> <li>Topik-topik keselamatan di lamanlayar</li> <li><b>Maklumat terperinci</b></li> <li>Bahan Bacaan: SafetyLine Institute: Pemeriksaan, senarai semakan dan prosidur audit.</li> </ul>
Daftar bahan berbahaya serta Risalah Data Keselamatan Kimia untuk semua bahan kima	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Langkah Pertama</li> <li><b>Maklumat terperinci</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Nota Panduan: Penyediaan maklumat berkenaan bahan berbahaya di tempat kerja, Risalah Data Keselamatan Kimia</li> <li>Bahan Bacaan SafetyLine Institute; Risalah Data Keselamatan Kimia</li> <li>Pengurusan Bahan Berbahaya, Mengenalpasti bahan berbahaya di tempat kerja.</li> </ul> </li> </ul>
Borang Melaporkan Bahaya	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Langkah Pertama</li> </ul>
Borang Melaporkan kemalangan/insiden	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Langkah Pertama</li> <li><b>Maklumat terperinci</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Buletin: Kunci untuk menyiasat kemalangan dan insiden 2/2007</li> <li>Bahan Bacaan SafetyLine Institute: Merekod dan menganalisa kemalangan</li> </ul> </li> </ul>
Akses kepada Program Bantuan Perniagaan Kecil WorkSafe	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	Perkhidmatan perundingan bebas dan percuma bagi perniagaan yang mempunyai 20 atau kurang pekerja penuh masa. Untuk maklumat lanjutan, hubungi WorkSafe di 9327 8777 atau kunjungilah lamanlayar kami di: <a href="http://www.worksafe.wa.gov.sa">www.worksafe.wa.gov.sa</a>
Program Induksi	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Langkah Pertama</li> <li>Maklumat di lamanlayar mengenai pekerja muda dan baru di tempat kerja</li> <li>DVD induksi bertajuk "Baru Bekerja" boleh didapati dari WorkSafe.</li> <li>Maklumat Lanjutan- Bahan Bacaan SafetyLine Institute: Induksi/Latihan semasa bekerja.</li> </ul>
Prosidur kecemasan dan pertolongan bantu mula	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kod Amalan: Pertolongan Cemas, kemudahan di tempat kerja dan Kelengkapan/pakaian perlindungan</li> <li>Nota Panduan: Membuat persiapan menghadapi pengosongan bangunan semasa kecemasan di tempat kerja.</li> <li><b>Maklumat terperinci</b>- Bahan Bacaan SafetyLine Institute: Pengosongan bangunan semasa kecemasan, Pertolongan kecemasan di tempat kerja.</li> </ul>
Polisi dan prosidur mengenai keganasan dan membuli di tempat kerja.	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nota Panduan: Menangani masalah membuli di tempat kerja: panduan untuk pekerja.</li> <li><b>Maklumat terperinci</b> – Kod Amalan: Keganasan, sikap agresif dan membuli</li> </ul>
Polisi ketidakpuasan dan penyelesaian masalah di tempat kerja.	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja – Seksyen 24. Terdapat di <a href="http://www.slp.wa.gov.au">www.slp.wa.gov.au</a> Nota Panduan: Proses perundingan secara formal di tempat kerja
Latihan berterusan dalam KKP dan cara untuk merekod latihan yang dijalankan di seluruh organisasi anda.	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	Disamping induksi dan latihan permulaan, latihan harus diadakan apabila sesuatu tugas yang baru diperkenalkan kepada pekerja dan untuk menyegarkan pengetahuan dan kemahiran pekerja.  Pegawai Pendidikan Masyarakat WorkSafe tersedia ada untuk memberi persembahan percuma di tempat kerja anda mengenai isu-isu keselamatan

				kepada kumpulan-kumpulan yang terdiri daripada 10 atau lebih orang. Pegawai-pegawai Pendidikan Masyarakat tidak berkemampuan menjalani kursus secara mendalam. Untuk maklumat terperinci emel <a href="mailto:shreps@docep.wa.gov.au">shreps@docep.wa.gov.au</a> atau hubungi <i>WorkSafe</i> di 9327 8777.
Proses untuk mengurus kontraktor dan pekerja dari agensi luar	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Buletin: <ul style="list-style-type: none"> <li>Industri pembekal buruh dan kewajiban bertanggungjawab 6/2005</li> <li>Hos majikan/klien 6/2006</li> <li>Agen-agen yang menyediakan para pekerja kepada klien 7/2006</li> </ul> </li> <li><b>Maklumat terperinci</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nota Panduan: Kewajiban bertanggungjawab secara umum di tempat-tempat kerja di Australia Barat</li> </ul> </li> </ul>
Plan berterusan untuk memantau serta meningkatkan KKP di tempat kerja anda.	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Langkah Kemudiannya</li> <li><b>Maklumat terperinci</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Plan Bekerja dengan Selamat</b></li> </ul> </li> </ul>
Akses maklumat KKP untuk para pekerja.	Ya <input type="checkbox"/>	Tidak <input type="checkbox"/>	Tidak Berkenaan <input type="checkbox"/>	<a href="http://www.worksafe.wa.gov.au">www.worksafe.wa.gov.au</a> <a href="http://www.publicsectorsafety.wa.gov.au/">http://www.publicsectorsafety.wa.gov.au/</a> Hubungi Perpustakaan <i>Work Safe</i> di 9327 8777

A523200